



MAJLIS DAERAH BATU GAJAH

No. Rujukan : MDBG.400-5/1/11 (01)

Tarikh : 14 Januari 2026

NOTIS PEROLEHAN KERJA SECARA UNDIAN BIL: 1/2026

1. Adalah dimaklumkan bahawa, Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) akan melaksanakan proses perolehan kerja secara undi bagi kerja-kerja seperti di **Lampiran 1**.
2. Semua Kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)**, **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** dan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** yang beralamat di daerah **KINTA** adalah dijemput untuk menyertai undian bagi perolehan kerja-kerja kecil secara undian ini.
3. Pihak kontraktor yang berminat untuk menyertai proses kerja undi ini **WAJIB** mengisi borang pendaftaran kerja-kerja undi secara 'Google Form' di **LAMAN WEB MDBG** dengan dengan memuat naik dokumen-dokumen yang diperlukan mulai **16 Januari 2026 hingga 20 Januari 2026**.
4. Hanya kontraktor yang mendaftar dalam tempoh yang ditetapkan dan menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Jabatan ini sahaja akan layak untuk menyertai cabutan undi ini. Kontraktor yang gagal untuk mendaftar pada tempoh waktu yang ditetapkan atau gagal memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Jabatan akan **DITOLAK**. Berikut merupakan dokumen-dokumen yang perlu disediakan oleh pihak kontraktor:
 - 4.1 Kad Pengenalan (Pemilik Syarikat) – sila palang Salinan sebelum muat naik dokumen
 - 4.2 Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) (CIDB).
 - 4.3 Salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) (CIDB).
 - 4.4 Salinan Sijil Taraf Bumiputera (STB).
 - 4.5 Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM).
 - 4.6 Salinan Sijil Pematuhan Cukai (TCC) Tahun 2026 berstatus PATUH.
 - 4.7 Salinan Sijil Pendaftaran Kontraktor Majlis Daerah Batu Gajah.
 - 4.8 Penyata Akaun Terkini.

Nota:

- Semua sijil mesti masih sah pada tarikh semakan.
 - Tempoh sah laku sijil adalah tiga (3) hingga enam (6) bulan dari tarikh tamat tempoh sah laku sijil.
 - Kontraktor dikehendaki untuk membawa resit bayaran bagi sebarang pembaharuan lesen syarikat sekiranya tempoh sah laku sijil telah tamat.
 - Tawaran kerja ini adalah khusus bagi kod bidang tertentu.
 - Hanya kontraktor yang mempunyai kod bidang tersebut sahaja yang layak untuk turut serta.
 - Penyata akaun terkini adalah diwajibkan sebagai kriteria penilaian.
 - Surat Setuju Terima (SST) akan dikeluarkan oleh pihak MDBG dalam tahun semasa dan bergantung kepada keperluan mengikut bidang kerja yang diperlukan.
 - Kontraktor perlu mematuhi arahan pelaksanaan kerja daripada pegawai penguasa dari semasa ke semasa.
 - Pembayaran akan dibuat mengikut kerja yang telah siap dilaksanakan berdasarkan Jadual Kadar Kerja (JKK) Kejuruteraan Awam Dan Bangunan 2025 yang dikeluarkan oleh JKR. Bagi kerja yang tiada dalam JKK, kadar harga setuju terima akan digunakan.
5. Sesi undian akan dilaksanakan secara dalam talian pada **26 Januari 2026** di laman '**Facebook**' rasmi MDBG.
 6. Senarai kontraktor yang layak dan nombor mewakili syarikat masing - masing mengikut turutan pendaftaran akan dipaparkan dalam **LAMAN WEB MDBG** bermula pada **22 Januari 2026**.
 7. Sebarang pertanyaan boleh hubungi Jabatan Kejuruteraan Majlis Daerah Batu Gajah di talian *05-363 2020*.
 8. Kontraktor yang berminat untuk menyertai proses kerja undian ini **WAJIB** menyelesaikan bayaran yuran pendaftaran sebanyak **RM10.00 secara atas talian** ke akaun berikut sebelum memuat naik resit bayaran :


Maklumat	Butiran
Nama Akaun	Majlis Daerah Batu Gajah
No. Akaun	558118502228
Bank	Maybank
Amaun	RM10.00
Jenis Bayaran	Atas Talian (Pindahan Bank)
Rujukan Resit	<i>Nama Syarikat & Kerja Undi 1-2026</i>
Bukti Bayaran	Salinan Resit / Tangkapan Skrin Transaksi

Nota Penting:

Kontraktor **WAJIB memuat naik resit bayaran atau bukti bayaran** ke dalam sistem pendaftaran yang disediakan melalui **Google Form**. Pautan ke borang Google Form boleh didapati di laman web rasmi Majlis Daerah Batu Gajah. Maklumat rujukan pembayaran (Reference) mestilah jelas dan lengkap bagi membolehkan semakan oleh pihak jabatan dilakukan dengan tepat dan cepat.

**Carta Maklumat Penting
(Proses Kerja Undi Bil. 1/2026)**

Bil.	Proses	Tarikh dan Lokasi
1.	Iklan Tawaran Kerja dan Pendaftaran Kontraktor Bagi Sesi Pengundian Pendaftaran melalui: Google Form (Yuran Pendaftaran adalah RM10.00)	Tarikh Iklan: 14 Januari 2026 Tarikh Pendaftaran : 16 Januari 2026 – 20 Januari 2026 Tarikh Tutup Pendaftaran : 20 Januari 2026 Lokasi Iklan Dan Pautan Google Form: Laman Web Rasmi MDBG: https://www.mdbg.gov.my/index.php/informasi/tender-sebut-harga Laman Facebook Rasmi MDBG: https://www.facebook.com/mdbatugajah
2.	Paparan Senarai Kontraktor Yang Layak Menyertai Cabutan Undi	Tarikh: 22 Januari 2026 Lokasi Senarai: Laman Web Rasmi MDBG: https://www.mdbg.gov.my/index.php/informasi/terkini Laman Facebook Rasmi MDBG: https://www.facebook.com/mdbatugajah
3.	Sesi Pengundian (Cabutan akan dibuat secara Live Feed melalui pautan Laman Facebook Majlis Daerah Batu Gajah)	Tarikh: 26 Januari 2026 Lokasi : Laman Facebook Rasmi MDBG: https://www.facebook.com/mdbatugajah Masa Bermula Cabutan Undi: 11.30 pagi


(MUAZATUL ADAWIYAH BINTI MUHAMAD)
Setiausaha,
Majlis Daerah Batu Gajah